

Berdaulatkah Islam apabila Umno, PAS bersatu?

Malaysiakini.com

November 21, 2011

by Iskandar Kamarul Amin

ULASAN Diskusi tentang perlunya Melayu bersatu supaya Islam dapat didaulatkan semakin hangat di laman sosial dan blog. Saya kurang berminat perbincangan dari sudut terminologi seperti Melayu atau Islam dahulu?

Islam bukan untuk Melayu sahaja, dan berbagai perbincangan lagi. Saya cuma ingin berkongsi sedikit pandangan saya:

Dalam konteks Malaysia, bila sebut Melayu perlu bersatu, atau sepakat, atau apa sahaja istilah, pastinya semua fikiran tertumpu kepada Umno dan PAS mesti bersatu.

Maksudnya, untuk melihat Islam kembali berdaulat, maka Umno dan PAS perlu bersatu, jangan bertelagah dalam pilihan raya mahupun luar pilihan raya, duduk semeja, maafkan kesalahan lama dan sebagainya.

Signifikan yang cuba digambarkan mungkin berbunyi, apabila Umno dan PAS bersatu, maka Islam akan berdaulat di Malaysia. Atau fahaman terbalikinya, apabila Umno dan PAS tidak bersatu, maka Islam tidak akan berdaulat di Malaysia.

Walaupun ada yang kata bukan bersatu dalam satu parti baru, tapi hanya sepakat dalam hal-hal dasar dan aqidah, tapi saya rasa pandangan umum masyarakat tentang "kesatuan" ini adalah seperti gambaran di atas.

Apabila melihat kepada realiti dan peristiwa yang jelas berlaku di depan mata di negara kita, saya merasakan slogan-slogan kesatuan ini agak pelik dan berlawanan dengan fakta sejarah. Saya sedikit konfius dengan maksud Islam Berdaulat yang diutarakan.

Islam dari sudut mana yang cuba dimaksudkan? Dari sudut aqidah atau akhlak atau pelaksanaan nilai-nilainya taua macam mana?

Pertama, mungkin Islam yang dimaksudkan adalah sudut memelihara Ummat Islam dari murtad. Tapi pelik, adakah murtad berlaku kerana Umno-PAS tidak bersatu sejak puluhan tahun dulu? Bukankah fakta kajian mengatakan antara faktor murtad berlaku kerana kemiskinan, orang miskin tidak mendapat wang zakat secukupnya, lalu pergi ke gereja.

Murtad kerana Bollywood?

Ini menggambarkan kegagalan BN yang diterajui pemimpin Melayu Umno dalam menguruskan harta zakat. Kajian juga mengatakan ramai wanita Melayu murtad menjadi Hindu kerana pengaruh filem Bollywood yang melampau.

Lalu apa kaitannya ketidaksatuan Umno-PAS dengan tindakan Kementerian Penerangan yang tidak membendung lambakan filem Bollywood ini?

Kedua, mungkin Islam yang dimaksudkan adalah dari sudut ketelusan pentadbiran dan pengurusan. Malangnya, semua orang mengetahui siapakah geragannya yang paling kuat korupsi dan songlap duit rakyat.

Skandal PKFZ, skandal kapal selam Scorpene, skandal pemeberian AP suatu masa dahulu dan beratus-ratus lagi skandal penyelewengan berbillion duit rakyat, semuanya didalangi oleh pemimpin Melayu dari Umno. Lalu apa kaitannya ketidaksatuan Umno-PAS dengan sikap korupsi pemimpin Umno yang jelas tidak mendaulatkan nilai Islam?

Ketiga, mungkin Islam yang dimaksudkan adalah dari sudut keadilan kepada ummah selaras dengan puluhan hadis Rasulullah yang menyuruh berlaku adil. Cuba kita buka mata melihat sejarah dan kenyataan, apa yang berlaku di Malaysia.

Siapa lagi kalau bukan Umno yang bertindak tidak adil menafikan hak royalti rakyat Kelantan berpuluh tahun lamanya hanya kerana nafsunya bertuhankan politik, sebagai balasan rakyat Melayu Kelantan tidak mengundi Umno.

Ambil hati pemimpin Barat

Dan siapa lagi kalau bukan Umno yang zalim terus mempergunakan ISA untuk menahan dengan kejam aktivis-aktivis Islam yang kononnya terlibat dengan terroris demi untuk mengambil hati pemimpin dunia Barat.

Lebih menyedihkan, di saat kerajaan umumkan ISA akan dimansuh baru beberapa bulan lalu, 14 November 2011 lepas dilaporkan 10 orang lagi aktivis islam ditahan di Sabah atas tuduhan penganas. Lalu apa kaitannya ketidaksatuan Umno-PAS dengan kezaliman dan ketidakadilan pemimpin Melayu Umno ini?

Keempat, mungkin Islam yang dimaksudkan adalah dari sudut akhlak. Bermakna, apabila Umno dan PAS bersatu, maka kes zina, rogol dan buang bayi akan berkurangan. Dalam aspek keruntuhan akhlak ini, saya tidak mengatakan kerajaan adalah punca segala-galanya.

Ibu bapa yang berperanan besar sebenarnya. Tapi apa yang pemimpin Umno buat sebagai kerajaan pemerintah untuk membendung? Konsert-konsert liar yang berpermit masih berlambak.

Tiada sebarang tanda inginkan tapisan filem menjadi lebih ketat sedangkan banyak filem yang boleh mempengaruhi akhlak buruk remaja dibiarkan ditayang di media dan pawagam. Cadangan pelaksanaan perundangan Islam juga terus ditolak mentah-mentah dengan alasan tidak sesuai dan bimbang rakyat tidak dapat menerima, sedangkan tiada sebarang usaha untuk member kefahaman dan kesedaran.

Perangi program agama

Lalu apa kaitannya ketidaksatuan Umno-PAS dengan sikap lepas tangan pemimpin Umno dengan masalah akhlak rakyat, sedangkan hampir 50 tahun Malaysia ini diterajui perdana menteri, timbalan perdana menteri dan menteri lain yang terdiri dari kalangan Melayu Islam Umno?

Kelima, mungkin Islam berdaulat yang dimaksudkan adalah dari sudut kerancakan amar ma'ruf nahi mungkar. Dari sudut ini, umum mengetahui sikap pemimpin dan tali barutnya Umno yang sangat memerangi program agama yang kononnya dilihat memberi keuntungan kepada pembangkang terutamanya PAS.

Tindakan yang langsung tiada unsur mendaulatkan Islam itu biasanya dikaburi dengan alasan program tiada permit, penceramah tiada tauliah, dan sebagainya. Ustaz-ustaz yang dipercayai pro-PAS terus digam daripada muncul di kaca TV.

Campur tangan Umno dalam perlantikan dan pengurusan AJK masjid juga berlaku di merata-rata. Semuanya hanya kerana dendam kesumat takut hilang pengaruh politiknya. Ulama dalam Umno seolah hanya berperanan sebagai tukang baca doa di majlis dan di perhimpunan agung sahaja.

Perangai busuk

Pandangan ulama dalam Umno hanya dipakai jika diperlukan sahaja, andai memberi keuntungan kepada isu yang dibawa. Tiada siapa yang lupa tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas presiden Umno yang telah menarik bantuan kepada sekolah agama rakyat hanya dengan tuduhan SAR menyebarkan ideologi

PAS.

Semua ini perangai busuk yang telah lama berdarah daging dalam Umno. Lalu apa kaitannya ketidaksatuan Umno-PAS dengan sikap kurang ajar pemimpin Melayu Umno terhadap perkembangan ilmu agama dan institusi amar ma'tuf nahi mungkar ini?

Banyak lagi tindakan-tindakan pemimpin Melayu UMNO yang jelas melacurkan kedaulatan Islam. Mereka masih konsisten dengan kerja "pelacuran" itu dari dahulu hingga sekarang.

Bagaimana logik kita ingin bersatu dengan "bapak ayam" untuk memerangi pelacuran? Adakah logik polis bekerjasama dengan pencuri untuk menjaga sebuah bank? Mungkin ada yang berkata, kenapa PAS tidak memaafkan saja kesalahan Umno dan mulakan hidup "rumah tangga" baru yang lebih harmonis.

Mungkin pemimpin PAS boleh maafkan mereka, tapi bagaimana dengan jutaan rakyat yang lain yang telah ditipu dan ditindas oleh pemimpin Umno BN?

Saya melihat isu perpaduan ini adalah senjata Umno untuk pecah belahkan Pakatan Rakyat. Mungkin ramai masih ingat sewaktu media hangat memainkan isu ini selepas PRU-13 yang lalu.

Cuba teliti balik kronologi isu ini. Bermula dengan pendedahan ada pemimpin PAS yang berjumpa secara sulit dengan pemimpin Umno, lalu media UMNO pun melagukan betapa indahnya perpaduan Melayu Islam ini. Segala pengharapan positif pemimpin UMNO tentang perpaduan dipaparkan.

Busuk hingga ke usus

Selang seminggu, mereka dapatkan pandangan dari pemimpin PKR dan DAP tentang isu ini, hingga akhirnya ada pemimpin DAP yang mengkritik pemimpin PAS secara terbuka. Selang seminggu selepas itu, lenggok bahasa media Umno ini mula berubah.

Tajuk-tajuk seperti "PAS dan DAP sudah tidak sehaluan", "Pakatan pembangkang retak" dan sebagainya. Akhirnya keindahan perpaduan tidak lagi berbunyi. Inilah matlamat isu perpaduan ini dimainkan, bukannya ikhlas untuk bersatu, tapi hanya gimik untuk pecah belahkan Pakatan Rakyat.

Kemunafikan Umno dalam isu perpaduan ini sangat jelas, di saat muka surat hadapan akhbaranya bercakap tentang kepentingan perpaduan, muka surat keempatnya sedang memperlekehkan kerajaan PAS di Kedah.

Mulut Datuk Seri Najib Razak bercakap tentang perpaduan Umno-PAS, tapi dalam masa yang sama perbuatannya menafikan hak royalti rakyat Melayu Kelantan kerana menyokong PAS. Tidak layak sebenarnya, andai kepercayaan diperjudikan kepada ketidakjujuran.

Akhirnya, sekadar memetik tulisan Mahathir iaitu Umno kini busuk sehingga ke ususnya.

Kebusukan itu telah melimpahkan najis ke seluruh tanah air dan seluruh Malaysia terkesan dengan busuk itu. Najis perlu dibuang dari sejadah, baru boleh tunaikan solat, bukannya ambil dan letak bersama dalam poket baju Melayu kita!

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/181922>